

S1: Apakah Kempen Kaotim MediKad ("Kempen")?

Kempen ini ialah kempen eksklusif yang bertujuan untuk mempromosi Kaotim MediKad kepada pelanggan yang mempunyai sijil takaful atau polisi insurans perubatan individu sedia ada daripada syarikat takaful atau insurans lain. Pelanggan yang layak berpeluang menikmati perlindungan segera tanpa tempoh menunggu 30 hari dan 120 hari serta menerima rebat satu bulan caruman, tertakluk pada terma dan syarat Kempen.

S2: Apakah Kaotim MediKad?

Kaotim MediKad menyediakan kemasukan hospital tanpa tunai ke hospital panel kami di Malaysia. Ia melindungi penghospitalan, perbelanjaan pembedahan dan manfaat pesakit luar terpilih yang layak sehingga had tahunan pelan yang dipilih.

S3: Siapakah yang layak untuk Kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai sijil takaful atau polisi insurans perubatan individu sedia ada daripada syarikat takaful atau insurans yang lain yang masih berkuat kuasa secara berterusan melebihi 4 bulan pada masa permohonan Kaotim MediKad dibuat dan permohonan Kaotim MediKad mestilah dinilai dan diluluskan oleh penilaian pengunderaitan Takaful Malaysia sebagai kes "Standard" iaitu tanpa sebarang bebanan atau pengecualian dikenakan.

S4: Berapa lamakah tempoh Kempen ini?

Kempen ini berlangsung daripada 25 November 2025 sehingga 14 Februari 2026 (kedua-dua tarikh termasuk) ("**Tempoh Kempen**").

S5: Bagaimanakah Kempen ini berfungsi?

- Pelanggan yang layak mestilah melanggan Kaotim MediKad dalam Tempoh Kempen, dan mesti membuat pendedahan dan menjawab soalan yang mengesahkan bahawa mereka mempunyai sijil takaful atau polisi insurans perubatan individu sedia ada daripada syarikat takaful atau insurans yang lain.
- Pelanggan mestilah melengkapkan penilaian pengunderaitan. Hanya kes "Standard", iaitu tanpa sebarang bebanan atau pengecualian dikenakan terhadap sijil Kaotim MediKad yang baharu, layak untuk menyertai Kempen ini.
- Pelanggan yang layak kemudian akan melihat deklarasi tambahan yang ditunjukkan pada halaman 'Aqad, Pengakuan dan Kebenaran oleh Peserta Yang Dicadangkan' sebelum meneruskan pembayaran. Mereka dikehendaki untuk membaca dan menandakan pendedahan tambahan tersebut untuk meneruskan permohonan.
- Setelah sijil Kaotim MediKad berjaya dikeluarkan dan berkuat kuasa semasa Tempoh Kempen, pelanggan yang layak akan diiktiraf sebagai sebahagian daripada Kempen ini ("**Peserta**").
- Sijil yang berjaya dikeluarkan di bawah Kempen ini akan diberikan perlindungan segera, di mana 120 hari tempoh menunggu untuk penyakit tertentu dan 30 hari tempoh menunggu untuk penyakit-penyakit lain akan dikecualikan.

S6: Bagaimanakah cara untuk memohon Kempen ini?

Untuk menyertai, pelanggan yang layak hendaklah memohon Kaotim MediKad semasa Tempoh Kempen melalui mana-mana saluran yang berikut:

- Mana-mana cawangan Takaful myCare Centre (TMCC); atau
- Perjalanan langganan Kaotim MediKad di <https://medikad.kaotim.my/getquote>.

S7: Apakah ganjaran untuk Kempen ini?

Peserta-Peserta yang sijil Kaotim MediKad mereka kekal berkuat kuasa selama 3 bulan daripada tarikh pengeluaran sijil akan menerima rebat bersamaan 1 bulan caruman.

S8: Apakah manfaat Kempen ini berbanding perjalanan langganan biasa untuk Kaotim MediKad?

Peserta berpeluang untuk menikmati perlindungan segera, di mana tempoh menunggu akan dikecualikan. Tambahan pula, Peserta juga berpeluang menerima rebat satu bulan caruman sekiranya sijil Kaotim MediKad yang dikeluarkan di bawah Kempen ini kekal berkuat kuasa selama 3 bulan.

S9: Adakah terdapat caruman minimum untuk melayakkan diri untuk Kempen ini?

Tiada, pelanggan boleh melanggan mana-mana pelan yang ditawarkan di bawah Kaotim MediKad.

S10: Adakah terdapat proses pengunderaitan untuk Kempen ini?

Ya, pelanggan mestilah melalui proses pengunderaitan dan menjawab semua soalan dengan jujur berdasarkan keadaan semasa pada masa permohonan dibuat.

S11: Adakah Kempen ini memberi kesan kepada amaun perlindungan atau manfaat Kaotim MediKad?

Tidak, Kempen ini hanya mengecualikan tempoh menunggu dan menyediakan rebat caruman. Semua manfaat lain, had perlindungan, terma dan syarat Kaotim MediKad tidak berubah.

S12: Adakah pelanggan yang mempunyai perlindungan perubatan sedia ada dengan Takaful Malaysia layak untuk menyertai Kempen ini?

Tidak. Kempen ini hanya terbuka kepada pelanggan yang mempunyai perlindungan perubatan individu sedia ada dengan syarikat takaful atau insurans lain, tidak termasuk Takaful Malaysia.

S13: Adakah pelanggan yang berada di bawah kes "Substandard" untuk pengunderaitan (dengan bebanan atau pengecualian) layak untuk manfaat Kempen?

Tidak, hanya pelanggan yang dinilai dan diluluskan sebagai kes "Standard" (tanpa sebarang bebanan atau pengecualian) yang layak.

S14: Dimanakah pelanggan boleh merujuk klausa tambahan berkaitan Kempen ini selepas pengeluaran sijil?

Pelanggan boleh merujuk kepada klausa tambahan di bawah bahagian 'Nota Penting' di dalam Halaman Maklumat e-Sijil ("**e-Sijil**") yang dikeluarkan setelah permohonan Kaotim MediKad mereka berjaya dan pembayaran telah dibuat. Klausa tersebut akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada dokumen sijil untuk rujukan mereka.

S15: Bilakah rebat caruman satu bulan akan dikreditkan?

Rebat caruman akan diproses dengan menolak jumlah yang layak daripada caruman patut dibayar yang akan datang untuk sijil tersebut sekiranya sijil Kaotim MediKad di bawah Kempen ini berkuat kuasa selama 3 bulan.

S16: Adakah pelanggan perlu membatalkan atau berhenti daripada pelan takaful atau insurans perubatan individu sedia ada selepas melanggan Kaotim MediKad di bawah Kempen ini?

Pelanggan tidak perlu membatalkan pelan takaful atau insurans perubatan individu sedia ada selepas melanggan Kaotim MediKad. Keputusan untuk mengekalkan atau menamatkan pelan sedia ada adalah sepenuhnya mengikut budi bicara pelanggan. Kempen ini tidak mewajibkan atau mensyaratkan pembatalan mana-mana perlindungan sedia ada.

S17: Adakah tempoh menunggu akan dikenakan semula sekiranya sijil Kaotim MediKad luput dan diaktifkan semula?

Ya. Jika sijil Kaotim MediKad anda luput dan kemudiannya diaktifkan semula, tempoh menunggu akan dikenakan semula. Semua terma dan syarat lain bagi produk kekal tidak berubah. Pengecualian tempoh menunggu di bawah Kempen ini hanya terpakai pada masa pengeluaran sijil baharu.

S18: Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kempen ini?

Untuk maklumat lanjut, anda boleh:

- Hubungi Unit Khidmat Pelanggan KAOTIM melalui talian 1-300 80 2525;
- E-mel hello@kaotim.my; atau
- Kunjungi TMCC yang terdekat.